

Perbandingan Kecekapan Berbahasa Jepun dalam kalangan Pekerja Tempatan yang Bekerja di Syarikat Jepun di Malaysia

(Comparison of Japanese Language Proficiency Among Local Workers Working in Japanese Companies in Malaysia)

Lee Mei Kee^{1*}, Azrina Husin²

¹Pusat Pengajian Sains Kemasyarakatan, Universiti Sains Malaysia, 11800 Pulau Pinang, Malaysia.
Email: mei@student.usm.my

²Pusat Pengajian Sains Kemasyarakatan, Universiti Sains Malaysia, 11800 Pulau Pinang, Malaysia.
Email: azrina@usm.my

CORRESPONDING AUTHOR (*):

Lee Mei Kee
(mei@student.usm.my)

KATA KUNCI:

Kecekapan berbahasa Jepun
Pekerja tempatan
Syarikat Jepun

KEYWORDS:

Japanese language proficiency
Local workers
Japanese companies

CITATION:

Lee, M. K., & Azrina Husin. (2025).
Perbandingan Kecekapan Berbahasa Jepun
dalam kalangan Pekerja Tempatan yang
Bekerja di Syarikat Jepun di Malaysia.
*Malaysian Journal of Social Sciences and
Humanities (MJSSH)*, 10(9), e003469.
<https://doi.org/10.47405/mjssh.v10i9.3469>

ABSTRAK

Kajian ini meneliti tahap kecekapan berbahasa Jepun dalam kalangan pekerja tempatan yang berkhidmat di syarikat Jepun di Malaysia, dengan memberi tumpuan kepada empat aspek utama: pertuturan, pendengaran, penulisan dan pembacaan. Peserta kajian seramai 15 orang dibahagikan kepada dua kumpulan, iaitu Kumpulan 1 terdiri daripada mereka yang mempunyai pengalaman tinggal di Jepun melebihi setahun, dan Kumpulan 2 terdiri daripada mereka yang tidak atau hanya mempunyai pengalaman tinggal di Jepun kurang dari setahun. Walaupun keputusan *Japanese Language Proficiency Test (JLPT)* bagi kedua-dua kumpulan kelihatan hampir setara, dapatan penilaian sendiri dan analisis tematik menunjukkan kelebihan yang jelas bagi Kumpulan 1, khususnya dalam aspek tugas kerja rasmi. Analisis kualitatif mengenal pasti lima cabaran utama: kepantasan pertuturan penutur asli, kerumitan penggunaan *keigo*, kesamaran dan ketidakterus-terangan (*aimai*), keterbatasan menyampaikan idea dalam pembentangan formal, serta kompleksiti sistem tulisan dan bacaan *kanji*. Kajian ini merumuskan bahawa pengalaman imersif dalam budaya Jepun memainkan peranan penting dalam membina kecekapan komunikasi yang berkesan di tempat kerja, dan ujian piawaian seperti JLPT sahaja tidak memadai untuk menilai penguasaan sebenar dalam konteks kerja.

ABSTRACT

This study examines Japanese language proficiency among local employees working in Japanese companies in Malaysia, with a focus on four key aspects: speaking, listening, writing, and reading. A total of 15 participants were divided into two groups: Group 1 comprised those who had lived in Japan for more than a year, while Group 2

consisted of those with no experience or less than one year of living in Japan. Although the Japanese Language Proficiency Test (JLPT) results of both groups appeared nearly comparable, self-assessment scores and thematic analysis revealed a clear advantage for Group 1, particularly in tasks related to formal workplace communication. Qualitative analysis identified five main challenges: the rapid speech rate of native speakers, the complexity of using keigo, ambiguity and indirectness (aimai), limitations in conveying ideas during formal presentations, and the complexity of the writing system and multiple kanji readings. The study concludes that immersive experience in Japanese culture plays a critical role in developing effective workplace communication skills, and that standardized tests such as the JLPT alone are insufficient to evaluate actual proficiency in work contexts.

Sumbangan/Keaslian: Kajian ini menyumbang kepada literatur sedia ada mengenai hubungan antara penguasaan bahasa dan pengalaman langsung budaya dalam konteks Bahasa Jepun. Sumbangan utama kajian ialah menunjukkan ujian piawaian seperti JLPT tidak semestinya menggambarkan kecekapan sebenar dalam konteks pekerjaan, dan menekankan pengalaman langsung dalam mempengaruhi keupayaan komunikasi formal.

1. Pengenalan

Bahasa Jepun telah lama mendapat tempat dalam masyarakat Malaysia, sejajar dengan lamanya hubungan antara kedua negara terbentuk. Menurut [Laman Web Rasmi Pejabat Perdana Menteri Malaysia \(2021\)](#), hubungan baik kedua negara ini diperkukuhkan lagi di zaman pentadbiran Tun Dr. Mahathir Mohamad sebagai Perdana Menteri keempat Malaysia apabila beliau memperkenalkan Dasar Pandang Ke Timur pada 8 Februari 1982 di Persidangan “5th Joint Annual Conference of MAJECA/JAMECA”.

Di bawah dasar ini, banyak syarikat Jepun telah menubuhkan anak syarikat mereka di Malaysia terutamanya pada pertengahan tahun 1980-an. Ini merupakan satu bentuk pelaburan yang besar kepada negara ini. Sektor utama pelaburan dari Jepun ini adalah dalam sektor industri elektrik dan elektronik, menjadikan sektor ini berkembang pesat di Malaysia ([Japan International Cooperation Agency Malaysia, 2017](#)). Kemasukan pelaburan ini juga adalah kesan daripada dasar kerajaan Malaysia yang membawa masuk pelaburan asing secara terus ke Malaysia. Di bawah dasar ini, syarikat utama industri elektronik seperti Sony, National, Matsushita, Onkyo, Nichicon dan Hitachi telah menubuhkan operasi mereka di kawasan perindustrian seperti Bayan Lepas dan Perai. Selain itu, beberapa industri Jepun turut beroperasi di kawasan tengah dan Johor Bahru seperti di Bandar Baru Bangi, Senawang dan Nilai ([Sani, 1998](#)). Dengan itu, perniagaan antara Jepun dan Malaysia telah membawa pertumbuhan yang besar kepada jumlah perniagaan di keseluruhan Malaysia.

Pelaburan asing secara terus ke Malaysia ini juga membawa kepada permintaan dan keperluan untuk menguasai Bahasa Jepun dalam kalangan masyarakat Malaysia bermula seawal peringkat sekolah lagi ([Kementerian Pendidikan Malaysia, 1999](#); [Ooi, 2013](#); [Izumi et al., 2014](#)). Permintaan ini seiring dengan corak di peringkat antarabangsa di mana minat terhadap Bahasa Jepun sebagai bahasa asing menjadi semakin meluas di

peringkat antarabangsa (Banihashemi & Vosoughi, 2020). Bahasa Jepun dilihat sebagai bahasa asing yang mempunyai nilai ekonomi. Malah, menurut Yeoh et al. (2016), dalam konteks hubungan Malaysia-Jepun yang rapat ini telah membawa kepada keperluan terhadap teknik berkomunikasi dalam Bahasa Jepun dan pengetahuan mengenai amalan budaya kerja Jepun. Malah, Bahasa Jepun menjadi bahasa komunikasi utama dalam syarikat-syarikat multinasional di Malaysia, dan bukannya Bahasa Inggeris (Iwasaki, 2006; Kubota, 2013; Fairbrother, 2015). Ini membawa kepada keperluan penguasaan Bahasa Jepun yang baik dalam kalangan pekerja tempatan di syarikat-syarikat Jepun bagi membina perhubungan yang baik di tempat kerja (Yeoh, 2018).

Dalam alam pekerjaan, penguasaan Bahasa Jepun bagi pekerja tempatan meliputi keupayaan memahami dokumen berkaitan kerja dalam Bahasa Jepun dan menjalankan perundingan dan perbincangan dengan rakan sekerja Jepun dalam Bahasa Jepun secara lancar tanpa memerlukan pertolongan daripada penterjemah. Penterjemah adalah segolongan individu perlu memahami unsur budaya yang perlu memindahkan maklumat dari bahasa sumber ke bahasa sasaran (Norhazlina, et al., 2024). Memandangkan Bahasa Jepun merupakan bahasa komunikasi utama di syarikat Jepun, perbezaan bahasa boleh menimbulkan pelbagai masalah silang budaya dalam kalangan pekerja dari pelbagai latar belakang budaya dan bahasa. Pekerja tempatan yang mempunyai pengalaman dan pendedahan terhadap budaya, bahasa dan masyarakat Jepun dilihat lebih berdaya saing dan bijak untuk menangani suasana kompetensi silang budaya (Sakuragi, 2006). Setiap individu yang berkebolehan untuk mempelajari dan menguasai bahasa asing, termasuk Bahasa Jepun, bukan sebagai satu laluan untuk meneroka maklumat dan teknologi terkini tetapi juga sebagai satu merit dan nilai tambah dalam diversiti alam pekerjaan (Ainol & Isarji, 2009; Hieda et al., 2012).

1.1. Permasalahan Kajian

Penguasaan Bahasa Jepun dalam kalangan pekerja tempatan yang berkhidmat di syarikat Jepun di Malaysia merupakan satu keperluan penting, memandangkan Bahasa Jepun sering menjadi medium utama komunikasi di tempat kerja. Walaupun terdapat pelbagai inisiatif pendidikan dan latihan yang memperkenalkan Bahasa Jepun kepada masyarakat Malaysia, tahap kecekapan dalam kalangan pekerja masih dilihat tidak konsisten. Salah satu faktor yang berpotensi mempengaruhi tahap kecekapan ini ialah pengalaman langsung berada di Jepun. Namun begitu, masih kurang kajian yang membandingkan secara khusus kesan tempoh pendedahan terhadap budaya Jepun—seperti tinggal atau belajar di Jepun—terhadap kecekapan berbahasa dalam konteks pekerjaan. Sebahagian besar kajian terdahulu menumpukan kepada aspek pedagogi atau motivasi pelajar dalam pembelajaran Bahasa Jepun, tanpa memberi perhatian khusus kepada perbandingan antara pekerja yang mempunyai dan tidak mempunyai pengalaman berada di Jepun. Justeru, kajian ini dijalankan bagi mengisi jurang tersebut dengan meneliti perbezaan tahap kecekapan Bahasa Jepun dalam kalangan dua kumpulan pekerja tempatan: mereka yang mempunyai pengalaman tinggal di Jepun untuk jangka masa panjang dan mereka yang tidak atau hanya untuk jangka masa pendek. Kajian ini memberi tumpuan kepada empat aspek utama kecekapan berbahasa: pertuturan, pendengaran, penulisan dan pembacaan.

1.2. Objektif Kajian

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti perbandingan antara empat aspek, iaitu pertuturan, pendengaran, penulisan dan pembacaan dalam menguasai kecekapan

berbahasa Jepun di antara dua kumpulan pekerja tempatan, iaitu kumpulan yang mempunyai pengalaman tinggal di Jepun untuk jangka masa yang lama dengan kumpulan yang tidak mempunyai pengalaman tinggal atau hanya tinggal di Jepun untuk jangka masa yang pendek.

2. Sorotan Literatur

2.1. Pembelajaran Bahasa Jepun di Malaysia

Sistem pendidikan di Malaysia telah meletakkan Bahasa Jepun sebagai salah satu bahasa antarabangsa yang ditawarkan di sekolah dan institusi pendidikan tinggi, sejajar dengan hubungan erat Jepun dan Malaysia dalam bidang ekonomi, politik, dan pendidikan (Kementerian Pendidikan Malaysia, 1999). Jepun memainkan peranan yang penting untuk meningkatkan reputasi sistem pendidikan ke luar negara sama ada negara Asia atau negara Barat. Pembangunan dan perhubungan perniagaan di antara Jepun dengan Malaysia semakin rapat telah membawa keperluan terhadap teknik bahasa berkomunikasi dan pengetahuan amalan perniagaan dengan Jepun (Yeoh et al., 2016).

Menurut Rahmat dan Aziz (2011), pada tahun 1982, institusi Bahasa Jepun yang pertama dikenali sebagai Ambang Asuhan Jepun telah ditubuhkan di Universiti Malaya, Kuala Lumpur. Pada tahun 1992, institusi Bahasa Jepun yang kedua telah ditubuhkan di Universiti Teknologi Malaysia. Ia merupakan sebuah institusi yang menawarkan program persediaan untuk pelajar yang akan melanjutkan pelajaran ke Jepun, dengan penekanan kepada penguasaan Bahasa Jepun dan persediaan akademik dalam pelbagai bidang secara intensif. Selain itu, banyak institusi pengajian tinggi di Malaysia seperti di Universiti Sains Malaysia, Universiti Utara Malaysia, Universiti Putra Malaysia, Universiti Malaya, Universiti Kebangsaan Malaysia, Universiti Teknologi MARA, International Islamic Universiti Malaysia, Universiti Malaysia Sabah, dan Universiti Malaysia Sarawak telah memperkenalkan Bahasa Jepun sebagai bahasa asing serta memperkukuhkan kurikulum bagi program minor Bahasa Jepun. Ini dilakukan supaya para pelajar berpeluang mempelajari Bahasa Jepun sebagai kursus elektif atau opsyenal sekaligus membuka peluang untuk mereka bekerja di syarikat-syarikat Jepun di Malaysia dengan kemahiran Bahasa Jepun yang diperolehi (Yeoh et al., 2016; Zubairi et al., 2007). Menurut Hieda dan Shabudin (2014), pada tahun 1990-an, terdapat ramai pelajar mempelajari Bahasa Jepun disebabkan oleh kemajuan pesat dalam bidang teknologi dan ekonomi di negara Jepun, membuktikan nilai ekonomi yang ada pada bahasa asing ini. Namun menurut beliau lagi, minat terhadap Bahasa Jepun pada tahun 2009 juga didorong oleh minat terhadap budaya Jepun yang dieksport ke negara luar termasuk Malaysia. Budaya Jepun ini termasuk animasi, drama, komik dan muzik dari negara tersebut.

Daripada aspek pengajaran dan pembelajaran Bahasa Jepun pula, pelbagai kaedah yang kreatif dan berkesan telah diadakan bagi menggantikan kaedah konvensional dan tradisional pengajaran dan pembelajaran. Ini termasuk penggunaan bahan bantu mengajar berbentuk media, permainan, dan pelbagai platform alternatif yang bertujuan membantu pelajar menguasai Bahasa Jepun dengan baik. Selain itu, integrasi teknologi dalam proses pengajaran dan pembelajaran menjadi lebih berkesan di dalam bilik darjah atau pun di luar bilik darjah (Esther & Ruhizan, 2024). Satu tinjauan literatur dari 2019 hingga 2023 mendapati bahawa guru menunjukkan sikap positif terhadap kaedah pembelajaran berasaskan permainan, yang didapati berupaya membantu mereka mencapai objektif pengajaran dan pembelajaran dengan berkesan (Ahmad et al., 2023).

Menurut [Osman dan Shamsudin \(2025\)](#), seramai 60 orang pelajar tahun empat dari sebuah sekolah rendah kebangsaan yang dibahagikan kepada dua kumpulan, iaitu kumpulan kawalan dan kumpulan eksperimen. Kumpulan kawalan menggunakan petikan bercetak pada buku teks Bahasa Melayu, dan kumpulan eksperimen menggunakan e-komik. Dapatan kajian menunjukkan bahawa kumpulan eksperimen mencatatkan pencapaian lebih baik dalam kemahiran membaca berbanding kumpulan kawalan. Sementara itu, kaedah pengajaran menggunakan lagu telah terbukti mampu meningkatkan motivasi dan proses pembelajaran pelajar, khususnya dalam penguasaan kosa kata serta kata kerja transitif dan intransitif ([Redzuan & Hussin, 2018](#); [Hirano, 2008](#); [Mori, 2010](#)). Sementara itu, [Redzuan dan Hussin \(2018\)](#) mengkaji penggunaan lagu dalam pengajaran Bahasa Jepun dalam kalangan pelajar di Universiti Putra Malaysia (UPM) dan mendapati bahawa penggunaan lagu menjadikan pelajar lebih aktif berbanding penggunaan model pengajaran konvensional. Lagu membantu pelajar mendengar dengan lebih jelas sebutan penutur asli dan menguatkan daya ingatan mereka. Selain itu, lagu juga mendorong pelajar untuk menggunakan kosa kata secara semula jadi ketika menyanyi, seterusnya meningkatkan kebolehan berbahasa secara intuitif. Dapatan ini sejajar dengan kajian dalam pengajaran bahasa asing lain yang menekankan kepentingan lagu dalam merangsang naluri linguistik serta pemahaman terhadap ciri-ciri bahasa yang dipelajari ([Christison, 1995](#); [Wiggins, 2007](#)).

2.2. Tahap Penguasaan Bahasa Jepun

Medium pengantar di kebanyakan syarikat Jepun di Malaysia adalah Bahasa Jepun ([Cooren, 2006](#); [Kubota, 2013](#)). Oleh itu, syarikat Jepun lebih berminat untuk mengambil pekerja tempatan yang mempunyai kecekapan komunikasi dalam Bahasa Jepun di tempat kerja ([Disco Inc, 2012](#)). Bahasa Jepun merupakan bahasa yang penting untuk memindahkan maklumat, mengeratkan perhubungan sosial, perkongsian pengetahuan, corak pemikiran dan tindakan antara pekerja tempatan dan ekspatriat Jepun di syarikat Jepun ([Kubota, 2013](#)). Hal ini masih berterusan walaupun masyarakat Jepun sedang melalui proses perubahan daripada masyarakat monolingual kepada multilingual dan masih ramai yang belum berkeyakinan menggunakan Bahasa Inggeris ([Iwasaki, 2006](#); [Kubota, 2013](#); [Fairbrother, 2015](#); [Heinrich & Ohara, 2019](#); [Yamamoto & Gill, 1999](#)). Oleh itu, penguasaan kemahiran berbahasa Jepun sangat penting untuk pekerja tempatan yang bekerja di syarikat Jepun ini kerana kemahiran ini dapat memberi peluang pekerjaan yang lebih luas dengan kemahiran bahasa yang mereka ada serta menyumbang kepada peningkatan kerjaya ([Bloch, 1995](#); [Hoare, 2012](#)).

Terdapat perbezaan antara penguasaan Bahasa Jepun dengan pemahaman budaya Jepun dalam kalangan pekerja yang bekerja di syarikat Jepun di negara Nordic menurut kajian yang dijalankan oleh [Peltokorpi \(2010\)](#) yang mana pekerja mempunyai kemahiran berbahasa Jepun yang sederhana tetapi memahami budaya Jepun lebih diterima berbanding dengan pekerja yang mempunyai kecekapan Bahasa Jepun yang tinggi tetapi pemahaman budaya Jepun yang rendah. Kemahiran berbahasa Jepun dan pemahaman nilai budaya Jepun mempengaruhi kelancaran komunikasi dan pilihan strategi yang digunakan untuk kelancaran komunikasi ([Harzing et al., 2011](#)).

Di Malaysia, kajian [Yeoh dan Manjet \(2020\)](#) menunjukkan bahawa kemahiran berbahasa Jepun rendah dalam kalangan pekerja Malaysia di syarikat Jepun yang multinasional organisasinya akan membawa pelbagai cabaran di tempat kerja. Dalam kajian berasingan, [Yeoh et al. \(2016\)](#) menunjukkan bahawa siswazah yang mempunyai Tahap N1 dan N2, iaitu tahap tertinggi dalam *Japanese Language Proficiency Test (JLPT)* lebih

banyak menyertai mesyuarat, mempunyai teknik pertuturan dalam Bahasa Jepun yang lebih baik dan terlibat dalam tugas yang lebih susah dan rumit di tempat kerja berbanding dengan siswazah yang mempunyai tahap N3, N4 dan N5, iaitu tahap sederhana dan rendah. Ini kerana pertuturan dan pendengaran amat penting dalam kerja-kerja rasmi seperti pembentangan dalam mesyuarat di sesebuah syarikat Jepun berbanding dengan pembacaan dan penulisan. Pekerja yang mempunyai sikap positif dan tahap motivasi yang tinggi cenderung untuk mencapai kemahiran berbahasa Jepun sehingga ke tahap N1. Begitu juga, pelajar yang bermotivasi tinggi menunjukkan keinginan yang lebih kuat untuk menguasai bahasa tersebut (Bidin et al., 2019). Beberapa kajian di Malaysia merumuskan bahawa tahap penguasaan kemahiran berbahasa Jepun dalam kalangan pekerja tempatan masih tidak mencukupi (Yeoh, 2018).

3. Metod Kajian

Kajian ini menggunakan kaedah temu bual mendalam berpandukan protokol temu bual yang dibangunkan oleh pengkaji. Protokol temu bual tersebut merangkumi dua komponen: (i) soalan penilaian sendiri menggunakan skala Likert lima mata bagi menilai tahap penguasaan Bahasa Jepun dalam empat aspek utama, iaitu pertuturan, pendengaran, penulisan dan pembacaan, dan (ii) soalan terbuka yang berkisar mengenai cabaran dan pengalaman bekerja di persekitaran kerja yang menggunakan Bahasa Jepun.

Peserta kajian terdiri daripada 15 orang yang kesemuanya bekerja dalam persekitaran yang menggunakan Bahasa Jepun. Daripada jumlah tersebut, lima peserta adalah lelaki dan sepuluh perempuan. Dari segi kumpulan etnik, dua orang berbangsa Melayu (satu lelaki dan satu perempuan), seorang berbangsa India (perempuan), manakala selebihnya berbangsa Cina (empat lelaki dan lapan perempuan). Temu bual dijalankan bermula September hingga Disember 2022 sebanyak dua kali setiap peserta. Oleh kerana temu bual ini diadakan semasa pandemik Covid-19, kesemua sesi temu bual dijalankan dalam talian menggunakan platform Zoom dan dirakamkan dengan persetujuan peserta. Kajian ini telah mendapat kelulusan Jawatankuasa Etika Penyelidikan Manusia Universiti Sains Malaysia (JEPeM-USM) [No. Kelulusan: USM/JEPeM/22060347]. Peserta telah diberi taklimat tentang tujuan, faedah dan risiko kajian sebelum memberikan persetujuan bertulis.

Bagi tujuan analisis, peserta dibahagikan kepada dua kumpulan: Kumpulan 1 (mempunyai pengalaman belajar di negara Jepun lebih daripada setahun) dan Kumpulan 2 (tidak mempunyai pengalaman belajar di negara Jepun atau tempohnya kurang daripada setahun). Komponen penilaian sendiri menghasilkan skor purata bagi setiap kumpulan dalam keempat-empat aspek yang dinilai untuk mengenalpasti tahap penguasaan Bahasa Jepun. Komponen soalan terbuka ditranskripsikan sepenuhnya dan dianalisis secara manual berpandukan kaedah analisis tematik (Braun & Clarke, 2006) bagi mengenalpasti corak berulang dalam jawapan peserta, yang kemudiannya dikelompokkan kepada tema utama. Tema-tema utama mengenai yang dihadapi dalam penggunaan Bahasa Jepun di tempat kerja digunakan untuk menyokong dan menjelaskan perbezaan skor antara kedua kumpulan.

4. Hasil Kajian

Bahagian ini membentangkan dapatan kajian berdasarkan dua komponen utama: penilaian sendiri tahap penguasaan Bahasa Jepun dalam empat aspek, iaitu pertuturan, pendengaran, penulisan, dan pembacaan, serta analisis tematik daripada soalan terbuka yang berfokus kepada cabaran penguasaan Bahasa Jepun di tempat kerja. Peserta juga diminta untuk melaporkan tahap tertinggi *Japanese Language Proficiency Test* (JLPT) yang pernah dicapai.

Bagi tujuan analisis, peserta dibahagikan kepada dua kumpulan:

- i. Kumpulan 1 terdiri daripada tujuh peserta yang mempunyai pengalaman belajar di Jepun melebihi setahun. Mereka terdiri daripada Kek, Quah, Kean, Tan, Khor, Aminah dan Cheah (semuanya nama samaran). Lima daripada mereka mencapai tahap JLPT N1 (tertinggi), seorang N2, dan seorang N3.
- ii. Kumpulan 2 terdiri daripada lapan peserta yang mempunyai pengalaman belajar di Jepun kurang daripada setahun atau tiada pengalaman langsung. Mereka terdiri daripada Kong, Lim San, Fong, Ng, Ali, Ann dan Lai (semuanya nama samaran). Empat daripada mereka mencapai tahap JLPT N1, dua N2, seorang N3, manakala seorang lagi tidak pernah mengambil ujian JLPT.

Tahap JLPT yang diperoleh oleh kedua-dua kumpulan ini digambarkan dalam [Jadual 1](#).

Jadual 1: Tahap Tertinggi dalam JLPT mengikut Kumpulan

JLPT	Kumpulan 1	Kumpulan 2
N1	5	4
N2	1	2
N3	1	1
Tidak mengambil	-	1

Daripada sudut pencapaian JLPT—iaitu ujian piawaian antarabangsa yang menilai tahap penguasaan Bahasa Jepun daripada tahap asas (N5) sehingga tahap tertinggi (N1)—didapati bahawa tidak banyak perbezaan di antara kedua-dua kumpulan. Sebahagian besar peserta dalam Kumpulan 1 dan Kumpulan 2 mencapai tahap tinggi (N1 dan N2), manakala hanya segelintir berada pada tahap N3 atau tidak pernah mengambil ujian ini. Secara asasnya, maklumat ini menunjukkan bahawa dari segi ukuran formal, kedua-dua kumpulan berada pada tahap yang agak sama. Namun, seperti yang akan ditunjukkan dalam bahagian seterusnya, penilaian sendiri dan pengalaman mereka memperlihatkan perbezaan yang lebih jelas dalam penguasaan Bahasa Jepun sebenar di tempat kerja.

Bahagian berikut membentangkan hasil penilaian sendiri peserta mengikut empat aspek utama: pertuturan, pendengaran, penulisan dan pembacaan. Dapatan kuantitatif ini akan diperincikan melalui skor purata bagi setiap kumpulan. Perbincangan diakhiri dengan menghuraikan cabaran yang dihadapi oleh peserta dalam penggunaan Bahasa Jepun di tempat kerja berasaskan analisis tematik daripada data kualitatif.

4.1. Tahap Penguasaan Bahasa Jepun dalam Aspek Pertuturan

Peserta kajian diminta untuk menilai tahap penguasaan mereka menggunakan lima skala Likert dalam 10 situasi pekerjaan yang memerlukan aspek pertuturan. Situasi ini disusun mengikut situasi harian di tempat pekerjaan yang merangkumi keperluan bertutur dalam Bahasa Jepun yang berkait dengan kerja (contoh, melakukan

pembentangan, berinteraksi dengan pelanggan, mesyuarat) dan aktiviti harian di tempat kerja (contoh, memberi salam dan perbualan biasa dengan rakan sekerja). Ia merangkumi situasi pertuturan yang mudah dan kompleks. Bagi tujuan perbandingan kedua kumpulan dalam 10 item yang dinilai, purata skala untuk kedua-dua kumpulan digunakan dan digambarkan dalam [Jadual 2](#).

Jadual 2: Skor min (purata) penilaian sendiri penguasaan Bahasa Jepun dalam aspek pertuturan mengikut kumpulan

Item Pertuturan yang Dinilai	Kumpulan 1 (Purata)	Kumpulan 2 (Purata)
Mengucap salam.	4.43	4.50
Berkomunikasi melalui telefon.	4.14	3.75
Perbualan biasa dengan rakan sekerja.	4.14	4.13
Melakukan aktiviti sosial dengan rakan sekerja atau pihak atasan.	3.57	4.13
Perbualan dengan rakan sekerja atau pihak atasan mengenai urusan kerja.	3.71	3.38
Berinteraksi dengan pelanggan dalam mesyuarat.	3.57	3.13
Melakukan pembentangan mengenai urusan kerja.	3.29	2.88
Mesyuarat syarikat.	3.71	3.00
Mesyuarat dengan pelanggan.	3.43	2.88
Melawat dan melakukan aktiviti sosial dengan pelanggan.	3.43	3.50

Nota: Skala Likert 1-5; Kumpulan 1: N=7, Kumpulan 2: N=8

Perbezaan paling ketara antara kedua kumpulan ini melibatkan item berkaitan aktiviti sosial dan aktiviti berkaitan kerja, di mana purata Kumpulan 2 secara umumnya adalah sedikit tinggi daripada Kumpulan 1 dalam item berkaitan aktiviti sosial. Ini dapat dilihat dalam item “melakukan aktiviti sosial dengan rakan sekerja atau pihak atasan” (4.13 bagi Kumpulan 2 berbanding 3.57 bagi Kumpulan 1), dan “melawat dan melakukan aktiviti sosial dengan pelanggan” (3.50 bagi Kumpulan 2 dan 3.43 bagi Kumpulan 1). Namun begitu, perbezaan agak ketara bagi item-item yang melibatkan hal kerja. Purata Kumpulan 1 adalah jauh lebih tinggi dalam item-item “perbualan dengan rakan sekerja atau pihak atasan mengenai urusan kerja” (3.71), “berinteraksi dengan pelanggan dalam mesyuarat” (3.57), “melakukan pembentangan mengenai urusan kerja” (3.29), “mesyuarat syarikat” (3.71) dan “mesyuarat dengan pelanggan” (3.43). Bagi keempat-empat item ini, purata bagi Kumpulan 2 ialah 3.38, 3.13, 2.88, 3.00 dan 2.88.

4.2. Tahap Penguasaan Bahasa Jepun dalam Aspek Pendengaran

[Jadual 3](#) pula menunjukkan purata penilaian sendiri dalam aspek pendengaran mengikut kumpulan. Sama seperti aspek pertuturan, 10 item yang sama digunakan untuk mengukur tahap penguasaan Bahasa Jepun ini.

Kesemua 10 item ini disusun mengikut situasi harian di tempat kerja yang merangkumi keperluan mendengar dalam Bahasa Jepun yang berkait dengan kerja (contoh, melakukan pembentangan, berinteraksi dengan pelanggan, mesyuarat) dan aktiviti harian di tempat kerja (contoh, memberi salam dan perbualan biasa dengan rakan sekerja). Secara keseluruhan, purata nilai adalah lebih tinggi bagi Kumpulan 2 dalam 5 item yang diukur, iaitu “mengucap salam”, “perbualan biasa dengan rakan sekerja”,

“melakukan aktiviti sosial dengan rakan sekerja atau pihak atasan”, “perbualan dengan rakan sekerja atau pihak atasan mengenai urusan kerja” dan “melawat dan melakukan aktiviti sosial dengan pelanggan”. Sama dengan aspek pertuturan, kumpulan ini melaporkan purata yang tinggi dalam kesemua item melibatkan aktiviti sosial. Walaupun mempunyai purata yang tinggi dalam item “perbualan dengan rakan sekerja atau pihak atasan mengenai urusan kerja”, purata nilai dalam item lain berkaitan dengan kerja adalah lebih rendah berbanding dengan Kumpulan 1. Perbezaan yang agak ketara dalam nilai purata item berkaitan kerja menunjukkan sekali lagi kecekapan Kumpulan 1 menggunakan Bahasa Jepun dalam konteks urusan kerja seharian.

Jadual 3: Skor min (purata) penilaian sendiri penguasaan Bahasa Jepun dalam aspek pendengaran mengikut kumpulan

Item Pendengaran yang Dinilai	Kumpulan 1 (Purata)	Kumpulan 2 (Purata)
Mengucap salam.	4.43	4.63
Berkomunikasi melalui telefon.	4.14	4.00
Perbualan biasa dengan rakan sekerja.	3.86	4.13
Melakukan aktiviti sosial dengan rakan sekerja atau pihak atasan.	3.43	4.00
Perbualan dengan rakan sekerja atau pihak atasan mengenai urusan kerja.	3.42	3.75
Berinteraksi dengan pelanggan dalam mesyuarat.	3.71	3.25
Melakukan pembentangan mengenai urusan kerja.	3.29	2.88
Mesyuarat syarikat.	3.71	3.13
Mesyuarat dengan pelanggan.	3.43	3.13
Melawat dan melakukan aktiviti sosial dengan pelanggan.	3.43	3.63

Nota: Skala Likert 1-5; Kumpulan 1: N=7, Kumpulan 2: N=8

4.3. Tahap Penguasaan Bahasa Jepun dalam Aspek Penulisan

Bagi penguasaan Bahasa Jepun dalam aspek penulisan pula, peserta kajian daripada kedua-dua kumpulan diminta untuk membuat penilaian sendiri terhadap lima item iaitu penulisan emel, penulisan laporan dan surat, penulisan dokumen syarikat, penulisan memo dan faks, serta penulisan terjemahan daripada Bahasa Jepun ke Bahasa Inggeris dan Bahasa Jepun ke Bahasa Melayu. Kelima-lima item ini berkisar tentang aktiviti kerja mereka. Purata tahap penguasaan bagi kedua-dua kumpulan ini digambarkan dalam [Jadual 4](#).

Jadual 4: Skor min (purata) penilaian sendiri penguasaan Bahasa Jepun dalam aspek penulisan mengikut kumpulan

Item Penulisan yang Dinilai	Kumpulan 1 (Purata)	Kumpulan 2 (Purata)
Menulis e-mel.	4.00	2.88
Menulis laporan dan surat.	3.29	2.88
Menulis dokumen syarikat.	3.86	2.88
Menulis memo dan faks.	3.71	2.88
Menulis terjemahan.	3.43	3.13

Nota: Skala Likert 1-5; Kumpulan 1: N=7, Kumpulan 2: N=8

Dapat diperhatikan bahawa purata nilai bagi kelima-lima item ini adalah lebih tinggi bagi Kumpulan 1 berbanding dengan Kumpulan 2, dan perbezaan untuk setiap item adalah agak besar. Kumpulan 2 mempunyai purata di bawah 3.0 untuk kesemua item kecuali “menulis terjemahan”, walaupun nilainya masih rendah berbanding dengan nilai purata bagi item yang sama untuk Kumpulan 1. Ini menunjukkan kemahiran bahasa yang lebih kompleks diperlukan untuk melakukan kerja-kerja yang memerlukan penulisan. Kemahiran ini ditambah dengan kerumitan penulisan dalam Bahasa Jepun yang memerlukan penguasaan karakter *Kanji*, *Hiragana* dan *Katakana*, serta gaya bahasa formal dalam penulisan berkaitan kerja.

4.4. Tahap Penguasaan Bahasa Jepun dalam Aspek Pembacaan

Aspek terakhir yang dinilai ialah membaca dan ia dinilai menggunakan lima item iaitu pembacaan e-mel, pembacaan laporan dan surat, pembacaan dokumen syarikat, pembacaan memo dan faks serta pembacaan bahan bacaan (seperti surat khabar dan majalah) yang berkaitan dengan maklumat laporan dan dokumen syarikat. Purata penilaian sendiri kedua kumpulan digambarkan dalam [Jadual 5](#).

Jadual 5: Skor min (purata) penilaian sendiri penguasaan Bahasa Jepun dalam aspek pembacaan mengikut kumpulan

Item Pembacaan yang Dinilai	Kumpulan 1 (Purata)	Kumpulan 2 (Purata)
Membaca e-mel.	4.14	3.38
Membaca laporan dan surat.	4.14	3.50
Membaca dokumen syarikat.	3.71	3.38
Membaca memo dan faks.	3.86	3.63
Membaca bahan bacaan (seperti surat khabar dan majalah) yang berkaitan dengan maklumat laporan dan dokumen syarikat.	3.71	3.25

Nota: Skala Likert 1-5; Kumpulan 1: N=7, Kumpulan 2: N=8

Dapat diperhatikan bahawa dalam aspek pembacaan purata nilai bagi kelima-lima item adalah tinggi bagi Kumpulan 1 berbanding dengan Kumpulan 2. Malah skor purata untuk setiap item ini tidak melepasi 4.0 bagi Kumpulan 2.

4.5. Cabaran Penggunaan Bahasa Jepun dalam Konteks Kerja

Dapatan penilaian sendiri menunjukkan perbezaan paling ketara antara Kumpulan 1 dan Kumpulan 2 ialah dalam penggunaan Bahasa Jepun untuk item-item berkaitan tugas pekerjaan, merangkumi pertuturan, pendengaran, penulisan dan pembacaan. Kumpulan 1, yang mempunyai pengalaman lebih lama tinggal dan belajar di Jepun, menunjukkan keupayaan yang lebih konsisten dalam konteks tugas kerja rasmi, manakala Kumpulan 2 lebih banyak bergantung pada kemahiran asas dan interaksi sosial. Pola ini turut terserlah dalam dapatan kualitatif, di mana cabaran-cabaran yang dilaporkan lebih ketara dalam kalangan Kumpulan 2. Berdasarkan analisis tematik, lima cabaran utama yang dikenalpasti ialah: (i) cabaran menangkap mesej apabila penutur asli bercakap terlalu pantas, (ii) kerumitan hierarki bahasa kehormatan (*keigo*) dalam interaksi formal, (iii) kesamaran dan ketidakterusan-terangan sebagai gaya komunikasi Jepun, (iv) keterbatasan menyampaikan idea dalam pembentangan rasmi, dan (v) kompleksiti sistem tulisan serta pelbagai bacaan kanji.

4.5.1. Cabaran Menangkap Mesej Apabila Penutur Asli Bercakap Terlalu Pantas

Peserta kajian dalam Kumpulan 2, terutamanya mereka yang tiada pengalaman belajar di Jepun, menghadapi kesukaran memahami pertuturan penutur asli kerana gaya komunikasi mereka yang pantas. Situasi ini menimbulkan salah faham dalam tugas harian di tempat kerja.

Ali dari Kumpulan 2, misalnya, menggambarkan bagaimana arahan kerja sering disalah tafsir:

“Orang Jepun bercakap dengan laju dalam Bahasa Jepun sampai tak faham apa yang mereka cakap.” Ali (Lelaki Melayu, Kumpulan 2)

Beliau menambah bahawa ada kalanya pekerja tempatan melaksanakan arahan yang berbeza daripada kehendak sebenar majikan kerana tidak sempat menangkap mesej yang disampaikan dan tidak mahu meminta majikan mengulangi arahan berkali-kali. Ann, juga dari Kumpulan 2, turut menekankan cabaran serupa:

“Kadang kala tidak faham apa yang ditutur oleh ketua saya iaitu orang Jepun kerana mereka bercakap dengan laju.” Ann (Perempuan India, Kumpulan 2)

Dapatan ini menunjukkan bahawa kepantasan pertuturan penutur asli bukan sahaja menyukarkan pemahaman linguistik, tetapi juga memberi kesan langsung kepada produktiviti dan keberkesanan komunikasi kerja. Kesukaran menangkap mesej utama boleh membawa salah faham, kesilapan dalam pelaksanaan tugas, serta menjejaskan keyakinan pekerja tempatan dalam interaksi rasmi. Dapatan ini menekankan peranan “*speech rate*” sebagai faktor kritikal dalam komunikasi antara budaya, terutamanya apabila wujud jurang tahap penguasaan bahasa, ditambah dengan hierarki status pekerjaan antara pekerja tempatan dan penutur asli.

4.5.2. Cabaran Kerumitan Hierarki Bahasa Kehormatan (*Keigo*) dalam Interaksi Formal

Peserta kajian daripada kedua-dua kumpulan menyatakan bahawa mereka menghadapi cabaran dalam penggunaan ungkapan kehormatan ketika bertutur dengan pekerja Jepun. Dalam budaya Jepun, hierarki pangkat dan status antara pekerja senior dan junior amat jelas, dan setiap individu—sama ada pekerja Jepun mahupun pekerja tempatan—diharapkan untuk menggunakan “*keigo*” (敬語) sebagai tanda penghormatan kepada mereka yang berpangkat lebih tinggi. Malah, keupayaan menggunakan ungkapan ini dalam konteks kerja juga dilihat sebagai keupayaan memahami budaya masyarakat Jepun.

Namun begitu, peserta kajian melaporkan kesukaran dalam menentukan bila dan bagaimana bentuk “*keigo*” yang sesuai digunakan. Walaupun cabaran ini lebih ketara dalam kalangan Kumpulan 2, peserta dari Kumpulan 1 juga melaporkan menghadapi kesukaran dalam hal ini. Quah daripada Kumpulan 1, misalnya, mengatakan:

“Tidak pasti bila nak guna keigo yang sesuai semasa bertutur dengan orang Jepun yang mempunyai status pekerjaan yang berbeza.” Quah (Perempuan Cina, Kumpulan 1)

San daripada Kumpulan 2 turut menyuarakan cabaran yang sama:

“Keigo amat mencabar kerana saya tidak tahu menggunakan keigo yang sesuai semasa bertutur dengan orang Jepun.” San (Perempuan Cina, Kumpulan 2)

Kesukaran ini menunjukkan bahawa *keigo* bukan sahaja berkaitan dengan penguasaan linguistik, tetapi juga pemahaman norma budaya yang kompleks dan berbeza dengan budaya tempatan. Ia memerlukan sensitiviti kepada status dan hierarki, serta keupayaan menzahirkannya dengan menggunakan bahasa yang bersesuaian, dalam kes ini penguasaan penggunaan “*keigo*”. Kekeliruan dalam penggunaan “*keigo*” boleh menyebabkan komunikasi tidak sopan atau kurang profesional, serta menggambarkan ketidakperhatian kepada budaya Jepun. Ini menimbulkan tekanan tambahan kepada pekerja tempatan. Hal ini menggariskan betapa eratnya hubungan antara bahasa, hierarki, dan budaya organisasi dalam konteks kerja Jepun.

4.5.3. Cabaran Kesamaran dan Ketidakterus-terangan sebagai Gaya Komunikasi Jepun

Dalam budaya Jepun, kesamaran komunikasi merupakan satu cabaran besar kepada masyarakat lain yang menggunakan Bahasa Jepun. Penutur Jepun jarang menggunakan perkataan “tidak” secara langsung bagi menolak sesuatu, kerana bimbang menyinggung perasaan orang lain. Sebaliknya, mereka menggunakan ungkapan yang lebih halus dan tidak berterus terang.

Lai daripada Kumpulan 2, misalnya menceritakan pengalaman ketika menjemput rakan sekerja Jepun untuk menyertai aktiviti makan malam syarikat—satu aktiviti sosial dalam konteks pekerjaan. Jawapan yang diterima hanyalah: “大丈夫です、ありがとうございます。” (Okay, terima kasih). Jawapan ini menimbulkan kekeliruan kepada beliau sama ada rakan sekerja ini bersetuju untuk turut serta, atau sebenarnya menolak dengan sopan. Namun, Lai menyedari aspek kesamaran (“*aimai*”) ini dalam Bahasa Jepun dengan mengatakan:

“Pekerja Jepun bersikap “aimai” kerana tidak bercakap dengan berterus terang sehingga kita perlu teka makna sebenar yang ingin disampaikan.”
Lai (Perempuan Cina, Kumpulan 2)

Lim daripada Kumpulan 2 juga menekankan kesamaran serupa dalam interaksi seharian. Beliau menceritakan situasi di mana maklumat yang diberikan oleh rakan sekerja Jepun kabur sehingga menimbulkan salah tafsir:

“Makna yang rakan sekerja Jepun cakap itu adalah perkara A, tetapi saya menginterpretasikan makna sebagai perkara B.” Lim (Perempuan Cina, Kumpulan 2)

Cabaran ini menunjukkan bahawa gaya komunikasi Jepun yang bersifat “*aimai*” (samar dan tidak terus terang) boleh menyulitkan pekerja tempatan untuk menangkap maksud sebenar mesej. Kekeliruan ini boleh menjejaskan hubungan antara pekerja tempatan dan Jepun dalam mewujudkan semangat kebersamaan terutamanya melalui aktiviti-aktiviti sosial di tempat kerja. Ia juga boleh menyebabkan kesukaran dalam menyelesaikan tugas, dan menambah beban psikologi kepada pekerja tempatan yang terpaksa meneka maksud di sebalik apa yang diucapkan oleh rakan Jepun mereka. Hal

ini menekankan perbezaan ketara antara gaya komunikasi berterus terang yang lebih lazim di Malaysia dengan gaya tidak langsung dalam budaya Jepun. Ia juga menunjukkan kesedaran pekerja tempatan mengenai aspek komunikasi ini dalam kalangan rakan sekerja Jepun mereka.

4.5.4. Cabaran Keterbatasan Menyampaikan Idea dalam Pembentangan Rasmi

Pembentangan menggunakan Bahasa Jepun dalam konteks kerja harian merupakan amalan biasa di organisasi Jepun. Namun, peserta kajian melaporkan bahawa tugas ini sering mencabar, terutamanya dalam menyampaikan idea secara jelas dan teratur.

Lim daripada Kumpulan 2, misalnya, mengatakan bahawa walaupun beliau pernah belajar di Jepun selama setahun, tahap pembentangan dalam Bahasa Jepun beliau masih dianggap lemah. Beliau mengakui perlu belajar daripada rakan sekerja lain yang mempunyai pengalaman belajar di Jepun lebih lama untuk memperbaiki kemahiran tersebut:

“Saya perlu membuat pembentangan kepada rakan sekerja Jepun. Tetapi, Bahasa Jepun saya tidak begitu bagus. Nasib baik saya dapat belajar daripada pekerja lain yang pernah melanjutkan pelajaran ke Jepun beberapa tahun bagaimana untuk membuat pembentangan yang baik.”
Lim (Perempuan Cina, Kumpulan 2)

Kong daripada Kumpulan 2 turut menyuarakan pandangan yang sama, mengakui keterbatasan dirinya:

“Pembentangan saya adalah tidak bagus dan berada pada tahap rendah.” Kong (Perempuan Cina, Kumpulan 2)

Dapatan ini selari dengan penilaian sendiri secara kuantitatif, di mana item pembentangan mengenai urusan kerja mencatatkan skor purata paling rendah atau antara yang terendah bagi kedua-dua kumpulan. Bagi aspek pertuturan dan pendengaran, Kumpulan 1 yang mencapai skor purata 3.29, manakala Kumpulan 2 mencatatkan skor purata serendah 2.88. Hal ini menunjukkan bahawa cabaran pembentangan bukan sahaja dirasai pada peringkat individu melalui pengalaman peserta, tetapi turut disokong oleh skor penilaian yang rendah secara menyeluruh.

Kesukaran ini menggambarkan bahawa cabaran utama bukan sekadar berkaitan dengan penguasaan tatabahasa dan struktur ayat, tetapi juga dengan keyakinan diri dalam menyampaikan idea pada situasi kerja formal. Kekaburan dan kelemahan dalam pembentangan boleh menjejaskan kredibiliti pekerja tempatan di mata rakan sekerja Jepun serta mengurangkan keberkesanan komunikasi rasmi. Hal ini menekankan keperluan latihan berterusan dan sokongan linguistik untuk membantu pekerja tempatan meningkatkan penyampaian formal dalam Bahasa Jepun.

4.5.5. Cabaran Kompleksiti Sistem Tulisan serta Pelbagai Bacaan Kanji

Bahasa Jepun mempunyai sebutan dan sistem tulisan yang unik, yang boleh menimbulkan cabaran bagi penutur bukan asli. Sistem ini terdiri daripada tiga bentuk tulisan, iaitu hiragana, katakana, serta kanji yang berjumlah sekitar 1,945 aksara.

Kesukaran menguasai ketiga-tiga sistem tulisan ini, terutamanya kanji, menjadi salah satu halangan utama dalam penggunaan Bahasa Jepun.

Quah daripada Kumpulan 1 menjelaskan bahawa kerumitan utama terletak pada kanji kerana satu perkataan boleh mempunyai pelbagai sebutan (*onyomi* dan *kunyomi*) serta makna yang berbeza. Beliau memberi contoh kanji 寒い (*samui* = sejuk; *kan* = musim sejuk, hari paling sejuk dalam setahun) dan mengakui kesukaran bukan sahaja untuk menyebut dengan betul, tetapi juga untuk menulis:

“Bahasa Jepun ada banyak kanji. Satu perkataan kanji mempunyai banyak sebutan dan makna yang berbeza. Kita akan berasa tercabar untuk menyebut perkataan kanji dan memahami maksudnya dengan betul. Di samping itu, menulis perkataan kanji juga susah.” Quah (Perempuan Cina, Kumpulan 1)

Kong daripada Kumpulan 2 pula menyatakan bahawa walaupun terdapat persamaan visual antara kanji Jepun dan tulisan Cina, beliau sering bergantung pada pengetahuan Bahasa Cina untuk meneka makna, tetapi menghadapi kesukaran apabila diminta menulis menggunakan kanji:

“Kanji adalah sama dengan Bahasa Cina. Dengan itu, saya akan cuba teka sahaja. Tetapi jika diminta menulis dalam kanji, saya tidak yakin kerana saya hanya boleh menulis dalam Bahasa Cina.” Kong (Perempuan Cina, Kumpulan 2)

Dapatan ini menunjukkan bahawa kompleksiti sistem tulisan Jepun, khususnya *kanji*, menimbulkan kesukaran dalam pertuturan, pendengaran, penulisan, dan pembacaan. Hal ini lebih ketara dalam kalangan peserta Kumpulan 2, yang melaporkan kelemahan dalam membaca dan menulis menggunakan *kanji*.

5. Perbincangan Kajian

Dapatan menunjukkan bahawa Kumpulan 1 yang mempunyai pengalaman tinggal di Jepun menunjukkan kecekapan berbahasa Jepun yang lebih tinggi dalam keempat-empat aspek: pertuturan, pendengaran, penulisan dan pembacaan. Pengalaman imersif dalam budaya Jepun dilihat memainkan peranan penting dalam pembinaan kecekapan ini, selaras dengan dapatan [Peltokorpi \(2010\)](#) dan [Yeoh et al. \(2016\)](#) yang menekankan kepentingan gabungan kemahiran bahasa dan pemahaman budaya. Pengalaman imersif ini juga memberi mereka pendedahan kepada kesukaran linguistik Bahasa Jepun; malah peluang untuk mempraktikkannya dalam pelbagai situasi sebelum masuk ke alam pekerjaan yang mengamalkan corak budaya Jepun. Perbezaan ini turut digambarkan dalam lima tema cabaran utama yang dikenalpasti, iaitu menangkap mesej apabila penutur asli bercakap terlalu pantas, kerumitan hierarki bahasa kehormatan (*keigo*) dalam interaksi formal, kesamaran dan ketidakterus-terangan sebagai gaya komunikasi Jepun, keterbatasan menyampaikan idea dalam pembentangan rasmi, dan kompleksiti sistem tulisan serta pelbagai bacaan kanji.

Kelemahan Kumpulan 2 pula bukan sekadar berpunca daripada kurang pendedahan, tetapi juga kesukaran linguistik seperti penggunaan ungkapan kehormatan, struktur ayat kompleks, dan sistem tulisan Jepun yang unik. Ini sejajar dengan cabaran yang dikenal pasti oleh [Miyaoaka dan Tamaoka \(2001\)](#) serta [Tamaoka dan Kiyama \(2013\)](#),

khususnya dalam penggunaan kanji dan struktur penulisan yang berbeza dari bahasa ibunda. Ini menunjukkan bahawa pendedahan bahasa dan budaya dalam kuliah kurang mencukupi berbanding dengan mereka yang mempunyai pengalaman langsung yang lama dengan budaya masyarakat yang dipelajari.

Kemahiran mendengar dan bertutur juga dipengaruhi oleh faktor gaya komunikasi Jepun yang kadang kala kabur atau tidak langsung. Ini menyukarkan pemahaman dalam konteks kerja rasmi seperti mesyuarat atau pembentangan ([Underwood, 1989](#); [Izumi et al., 2014](#)). Secara keseluruhan, keberkesanan komunikasi di tempat kerja bergantung bukan sahaja pada tahap penguasaan bahasa, tetapi juga motivasi, pendedahan budaya, dan keupayaan menyesuaikan diri dengan norma komunikasi Jepun ([Neustupny, 1995](#)).

Dalam aspek pertuturan menunjukkan bahawa Kumpulan 1 mempunyai kemahiran dan kecekapan yang tinggi bertutur dalam Bahasa Jepun yang baik dalam konteks kerja hariannya kerana banyak berinteraksi dengan masyarakat Jepun semasa melanjutkan pelajaran ke negara Jepun selama beberapa tahun. Manakala, Kumpulan 2 tidak mempunyai kemahiran dan kecekapan yang tinggi bertutur dalam Bahasa Jepun dengan baik dalam konteks kerja hariannya kerana kesukaran dalam penggunaan perbendaharaan kata, tatabahasa, sebutan dan jenis ungkapan kehormatan boleh menyebabkan mereka menghadapi cabaran bertutur dalam Bahasa Jepun. Cabaran bertutur dalam kalangan pelajar menunjukkan bahawa mereka tidak mempunyai kemahiran bertutur dalam bahasa asing yang baik kerana belum belajar elemen penting bertutur ([Lukitasari, 2003](#)). Orang Jepun mempunyai pelbagai jenis ungkapan penghormatan yang hampir mustahil untuk mengadakan sebarang jenis perbualan tanpa penggunaan sebilangan daripadanya ([Geyer, 2013](#); [Kikuchi, 1997](#); [Nishida, 1987](#)). Hal ini selari dengan dapatan kualitatif, khususnya dalam cabaran pertama dan kedua, di mana peserta melaporkan kesukaran memahami arahan kerana kepantasan pertuturan penutur Jepun, serta kekeliruan dalam menentukan bila dan bagaimana *keigo* digunakan dalam interaksi formal. Kekurangan pengetahuan mengenai ungkapan penghormatan boleh menyebabkan kesukaran dalam pemerolehan Bahasa Jepun dengan baik ([Miyaoka & Tamaoka, 2001](#)). Pekerja tempatan bekerja di bawah tekanan untuk menyampaikan idea dan pendapat mereka dalam mesyuarat atau semasa perbincangan dengan ekspatriat Jepun. Oleh itu, mereka memberi persembahan dengan penggunaan Bahasa Jepun semasa mesyuarat secara perlahan-lahan. Kesukaran untuk menerangkan sesuatu dengan jelas dan ringkas dalam jangka masa yang terhad kerana kekurangan perbendaharaan kata dan ungkapan ([Tuan & Mai, 2015](#)). Tambahan pula, dapatan kuantitatif menunjukkan bahawa item pembentangan rasmi mencatatkan skor purata paling rendah untuk kedua-dua kumpulan (K1: 3.29 dan K2: 2.88), menguatkan cabaran keempat yang menekankan kesukaran menyampaikan idea secara jelas dalam konteks kerja formal. Kajian yang menunjukkan bahawa kemahiran dan kecekapan dalam pertuturan Bahasa Jepun dalam kalangan pekerja Malaysia bukan hanya menghadapi cabaran dalam linguistik, tetapi juga kekurangan kemahiran dan kecekapan dalam sosiobudaya. Mereka mesti menghasilkan kemahiran dan kecekapan dalam linguistik (penguasaan Bahasa Jepun) dan sosiolinguistik (gaya komunikasi dengan orang Jepun) untuk berinteraksi dengan berkesan di tempat kerja ([Neustupny, 1995](#)).

Dalam aspek pendengaran menunjukkan bahawa Kumpulan 1 mempunyai kemahiran dan kecekapan yang tinggi pemahaman pendengaran dalam Bahasa Jepun yang baik dalam konteks kerja hariannya kerana banyak berinteraksi dengan masyarakat Jepun semasa melanjutkan pelajaran ke negara Jepun selama beberapa tahun. Manakala, Kumpulan 2 tidak mempunyai kemahiran dan kecekapan yang tinggi untuk pemahaman

pendengaran dalam Bahasa Jepun dengan baik dalam konteks kerja hariannya kerana kesamaran adalah ciri umum komunikasi gaya Jepun, penggunaan ayat yang jarang digunakan, tidak memahami maksud yang disampaikan oleh penutur, bertutur dengan laju, bertutur dalam dialek sendiri boleh menyebabkan mereka menghadapi cabaran mendengar dalam Bahasa Jepun. Halangan utama untuk pemahaman pendengaran yang cekap adalah kelajuan penyampaian yang melebihi kawalan pendengar (Underwood, 1989). Kesukaran untuk memahami dialek tertentu kerana ia mempunyai ciri struktur dan fonologi yang berbeza dari Bahasa Jepun standard (Yeoh & Manjet, 2020). Kurangnya pengetahuan kontekstual pelajar menghadapi cabaran dalam menafsirkan makna seperti yang dimaksudkan oleh penutur dengan menggunakan skema atau struktur pengetahuan dalam minda (Nunan, 1998). Penggunaan ayat yang kompleks boleh menimbulkan kesukaran untuk memahami pertuturan dengan baik (Li & Renandya, 2012). Kajian yang dijalankan di Singapura menunjukkan bahawa cabaran yang dihadapi oleh pekerja tempatan yang bekerja di syarikat Jepun di Singapura adalah penutur asli menutur Bahasa Jepun terlalu laju (Izumi et al., 2014). Dapatan ini selari dengan cabaran pertama dan ketiga kajian ini, di mana peserta menceritakan kesukaran memahami mesej akibat gaya komunikasi yang laju dan tidak berterus terang (*aimai*). Kesamaran mesej bukan sahaja menyulitkan interaksi kerja rasmi, tetapi juga menambah tekanan psikologi apabila pekerja tempatan terpaksa meneka maksud tersirat.

Dalam aspek penulisan menunjukkan bahawa Kumpulan 1 mempunyai kemahiran dan kecekapan yang tinggi menulis dalam Bahasa Jepun yang baik dalam konteks kerja hariannya kerana banyak berinteraksi dengan masyarakat Jepun semasa melanjutkan pelajaran ke negara Jepun selama beberapa tahun. Manakala, Kumpulan 2 tidak mempunyai kemahiran dan kecekapan yang tinggi untuk menulis dalam Bahasa Jepun dengan baik dalam konteks kerja hariannya kerana kesukaran dalam penggunaan perbendaharaan kata, tatabahasa, struktur ayat, pembinaan ayat dan sistem tulisan (*hiragana*, *katakana* dan *kanji*) boleh menyebabkan mereka menghadapi cabaran menulis dalam Bahasa Jepun. Bahasa Jepun mempunyai sistem tulisan yang unik boleh menimbulkan cabaran bagi orang yang mempelajari Bahasa Jepun. Bahasa Jepun terdiri daripada tiga sistem tulisan, iaitu sistem abjad fonetik yang dikenali sebagai *hiragana* dan *katakana*. Selain daripada sistem abjad fonetik, terdapat 1,945 aksara Cina yang dikenali sebagai *kanji* yang terdapat dalam senarai yang diluluskan secara rasmi yang dikenali sebagai "Senarai *Jōyō Kanji* (Karakter Penggunaan Umum)" (Ikeda & Sakade, 2014). Bahasa Jepun terdiri daripada dua sistem ortografik, iaitu suku kata (*hiragana* dan *katakana*) dan logografi (*kanji*) (Matsumoto, 2013). Kesimpulan ini turut selari dengan cabaran kelima yang dikenalpasti, di mana peserta melaporkan cabaran besar dalam menguasai sistem tulisan Jepun yang kompleks, khususnya *kanji* dengan pelbagai sebutan dan makna yang berbeza. Kajian sebelumnya secara amnya menyokong hipotesis bahawa teks Bahasa Jepun cenderung disusun secara induktif sedangkan teks Bahasa Inggeris cenderung disusun secara deduktif. Hipotesis pemindahan negatif bahasa ibunda dan bahasa asing didasarkan pada premis bahawa terdapat konvensyen retorik yang unik dari budaya. Kemahiran berbahasa Jepun dalam kalangan pekerja Malaysia sebagai penutur Bahasa Inggeris cenderung menggunakan pola deduktif dalam penulisan Bahasa Jepun mereka (Kubota, 1998). Peserta kajian menghadapi cabaran dalam penulisan Bahasa Jepun kerana terhad dalam pengetahuan tatabahasa, perbendaharaan kata dan kekurangan kemahiran dan kecekapan untuk membina ayat dalam Bahasa Jepun dengan betul. Penemuan semasa menyamai dengan penemuan yang melaporkan bahawa kemahiran dan kecekapan dalam tatabahasa dapat membantu

penutur dan penulis untuk mengaplikasikan struktur bahasa dengan betul (Latha, 2012).

Dalam aspek pembacaan menunjukkan bahawa Kumpulan 1 mempunyai kemahiran dan kecekapan yang tinggi membaca dalam Bahasa Jepun yang baik dalam konteks kerja hariannya kerana banyak berinteraksi dengan masyarakat Jepun semasa melanjutkan pelajaran ke negara Jepun selama beberapa tahun. Manakala, Kumpulan 2 tidak mempunyai kemahiran dan kecekapan yang tinggi untuk membaca dalam Bahasa Jepun dengan baik dalam konteks kerja hariannya kerana kesukaran dalam sebutan dalam sistem tulisan (*hiragana*, *katakana* dan *kanji*) boleh menyebabkan mereka menghadapi cabaran membaca dalam Bahasa Jepun. Dari segi pembacaan *kanji* menjadi semakin rumit bagi pelajar asing untuk mempelajari Bahasa Jepun kerana kajian mendapati bahawa kira-kira 60% dari asas *kanji* mempunyai dua pengucapan (Verdonschot et al., 2013). Setiap *kanji* dan kombinasi *kanji* mempunyai bunyi dan cara membaca yang berbeza. Dari permulaan sehingga pertengahan, pelajar asing yang mempelajari Bahasa Jepun dengan pengetahuan dan memahami konteks yang terhad dalam bahasa dan budaya, berusaha untuk menentukan bunyi dan sebutan dengan betul boleh menjadi sangat mencabar. Memahami konteks adalah penting untuk mempelajari cara membaca *kanji* dengan betul. Pelajar asing yang mempelajari Bahasa Jepun mungkin memahami makna kata dan struktur kata (sintaksis), tetapi mereka mungkin tidak dapat menghasilkan pembacaan fonologi yang sesuai dengan konteks itu (Kuwana, 2016). Hal ini sejajar dengan cabaran kelima yang dikenalpasti dalam kajian ini apabila peserta Kumpulan 2 melaporkan terpaksa meneka makna *kanji* berdasarkan tulisan Cina, tetapi tetap menghadapi kesukaran dalam sebutan dan pemahaman konteks. Kajian yang mendapati bahawa korelasi antara ortografi dan fonologi atau tulisan dan bunyi mempunyai pengaruh yang besar terhadap perkembangan pembacaan (Ehri, 1979, 1992, 2005; O'Brien et al., 2011). Selanjutnya, penutur asli Bahasa Inggeris menghadapi kesukaran untuk membaca *kanji* (Tamaoka, 1997; Tamaoka & Kiyama, 2013). Oleh itu, kemahiran berbahasa Jepun dalam kalangan pekerja Malaysia menghadapi cabaran yang sama ketika membaca dokumen dalam Bahasa Jepun di tempat kerja kerana dokumen rasmi Jepun cenderung menggunakan *kanji* berbanding dengan teks yang ditulis untuk bacaan biasa.

Menariknya, dapatan kajian perlu dilihat bersama dengan pencapaian JLPT peserta. Walaupun keputusan JLPT menunjukkan kedua-dua kumpulan berada pada tahap yang hampir sama (majoriti mencapai N1 dan N2, iaitu tahap tertinggi), perbandingan skor penilaian sendiri dan dapatan tematik menunjukkan kelebihan yang jelas Kumpulan 1 dalam konteks tugas kerja rasmi. Hal ini menunjukkan bahawa penguasaan yang diukur melalui ujian piawaian seperti JLPT tidak semestinya diterjemahkan kepada kecekapan komunikasi di tempat kerja. Keupayaan menggunakan Bahasa Jepun secara efektif dalam situasi kerja nyata memerlukan bukan sahaja penguasaan linguistik, tetapi juga pemahaman budaya, norma komunikasi, serta keyakinan dan interaksi profesional. Aspek ini lebih mudah dibangunkan melalui pengalaman imersif tinggal dan belajar di Jepun seperti yang ditunjukkan oleh Kumpulan 1.

6. Kesimpulan

Kajian ini merumuskan bahawa pengalaman imersif tinggal dan belajar di Jepun memainkan peranan penting dalam membentuk kemahiran dan kecekapan berbahasa Jepun di tempat kerja dalam empat aspek utama, iaitu pertuturan, pendengaran, penulisan dan pembacaan. Peserta daripada Kumpulan 1 jelas menunjukkan

penguasaan yang lebih baik berbanding dengan Kumpulan 2, walaupun pencapaian JLPT antara kedua-dua kumpulan kelihatan hampir setara. Hal ini menunjukkan bahawa ujian piawaian seperti JLPT tidak semestinya mencerminkan keupayaan sebenar untuk berkomunikasi secara berkesan di tempat kerja.

Kecekapan komunikasi dalam konteks kerja memerlukan bukan sahaja penguasaan linguistik, tetapi juga pemahaman budaya, sensitiviti terhadap norma komunikasi, serta keyakinan dalam interaksi profesional. Aspek-aspek ini lebih jelas dalam kalangan peserta Kumpulan 1 yang mempunyai pengalaman imersif yang panjang di negara Jepun. Oleh itu, pendedahan berterusan kepada bahasa dan budaya Jepun, khususnya melalui pengalaman langsung, merupakan faktor kritikal dalam meningkatkan penguasaan, keyakinan, dan keberkesanan komunikasi Bahasa Jepun dalam konteks pekerjaan.

Kelulusan Etika dan Persetujuan untuk Menyertai Kajian (*Ethics Approval and Consent to Participate*)

Para penyelidik menggunakan garis panduan etika dalam penyelidikan yang disediakan oleh Jawatankuasa Etika Penyelidikan Manusia Universiti Sains Malaysia (JEPeM-USM). Semua prosedur yang dilakukan dalam kajian ini yang melibatkan manusia telah dijalankan mematuhi piawaian etika jawatankuasa penyelidikan institusi. Nombor kelulusan yang didapati daripada JEPeM-USM ialah USM/JEPeM/22060347. Kebenaran dan persetujuan mengikuti kajian turut diperoleh daripada semua peserta kajian.

Penghargaan (*Acknowledgement*)

Setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Pusat Pengajian Sains Kemasyarakatan Universiti Sains Malaysia (USM), penyelia serta rakan-rakan yang membantu secara langsung atau tidak langsung bagi menjayakan kajian ini.

Kewangan (*Funding*)

Penerbitan kajian ini tidak menerima sebarang tajaan atau bantuan kewangan daripada mana-mana pihak.

Konflik Kepentingan (*Conflict of Interest*)

Penulis melaporkan tiada sebarang konflik kepentingan berkenaan dengan pengarang, penyelidikan dan penerbitan kajian ini.

Rujukan

- Ahmad, A. Y., Zuhair, Z., & Irwan, M. I. (2023). Meneroka Perspektif Guru Terhadap Penggunaan Kaedah Pembelajaran Berasaskan Permainan: Sebuah Tinjauan Literatur Sistemik. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 8(10), 1-17. DOI: <https://doi.org/10.47405/mjssh.v8i10.2542>
- Ainol, M. Z., & Isarji, S. (2009). Motivation to Learn a Foreign Language in Malaysia. *GEMA Online® Journal of Language Studies*, 9(2), 73-87.

- Banihashemi, H., & Vosoughi, M. (2020). Hidden Ideologies Within Imported Language Teaching Series: This Time the Case of Four Corners and Impact Values Series. *International Journal of Foreign Language Teaching and Research*, 8(29), 107-129.
- Bidin, S. H., Abdullah, H. J., Zan, N. S., Kadir, Z. A., & Abdullah, R. A. (2019). Faktor Sikap, Motivasi dan Jantina Mempengaruhi Penguasaan Pembelajaran Bahasa Jepun Tahap 1 di Universiti Tun Hussein Onn Malaysia. *Journal of Advanced Research in Social and Behavioural Sciences*, 16(1), 105-115.
- Bloch, B. (1995). Career Enhancement Through Foreign Language Skills. *International Journal of Career Management*, 7(6), 15-26.
- Braun, V., & Clarke, V. (2006). Using Thematic Analysis in Psychology. *Qualitative Research in Psychology*, 3(2), 77-101.
- Christison, M. A. (1995). *English Through Poetry*. Alta Books.
- Cooren, F. (2006). The Organizational Communication-Discourse Tilt: A Refugee's Perspective. *Management Communication Quarterly*, 19(4), 653-660.
- Ehri, L. (1979). Linguistic Insight: Threshold of Reading Acquisition. In T. G. Walker & G.E. MacKinnon (Eds.). *Reading Research: Advances in Theory and Practice* (pp. 63-114). Academic Press.
- Ehri, L. (1992). Reconceptualizing the Development of Sight Word Reading and Its Relationship to Recoding. In P. Gough, L. Ehri, & R. Treiman (Eds.). *Reading Acquisition* (pp. 107-143). Lawrence Erlbaum.
- Ehri, L. (2005). Learning to Read Words: Theory, Findings, and Issues. *Scientific Studies of Reading*, 9(2), 167-188.
- Esther, E. A. A., & Ruhizan, Y. (2024). Keberkesanan Penggunaan Aplikasi Pembelajaran Interaktif dalam Meningkatkan Motivasi serta Pencapaian Pelajar dalam Mata Pelajaran Fizik. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 9(1). 1-22. DOI: <https://doi.org/10.47405/mjssh.v9i1.2469>
- Fairbrother, L. (2015). Language Management in the Japanese Workplace. In W. Davies & E. Eiegler (Eds.), *Language planning and microlinguistics* (pp. 186-203). Macmillan Publishers.
- Geyer, N. (2013). Discernment and Variation: The Action Oriented Use of Japanese Addressee Honorifics. *Multilingual*, 32(2), 155-176.
- Harzing, A. W., Köster, K., & Magner, U. (2011). Babel in Business: The Language Barrier and Its Solutions in the HQ Subsidiary Relationship. *Journal of World Business*, 46(3), 279-287.
- Heinrich, P., & Ohara, Y. (2019). *Routledge Handbook of Japanese Sociolinguistics*. Routledge.
- Hieda, N., Amzah, N., & Nezu, M. (2012). Penyerapan Unsur Budaya Dalam Pembelajaran Bahasa Jepun. *GEMA Online™ Journal of Language Studies*, 12(2), 407-425.
- Hieda, N., & Shabudin, M. (2014). Sikap Mahasiswa UKM Terhadap Bahasa Jepun: Satu Kajian Kes. *GEMA Online® Journal of Language Studies*, 14(1), 135-150.
- Hirano, E. (2008, May). The Effects of Utilizing Japanese Songs for Acquiring Japanese Pitch as a Foreign Language. *Paper Presented at the Annual Meeting of the Central Association of Teachers of Japanese, University of Wisconsin-Madison*. United States of America.
- Hoare, R. (2012, May 18). Workers Told, Ditch Local Languages for English. *CNN International*. <https://edition.cnn.com/2012/05/18/business/english-language-business/index.html>
- Ikeda, J., & Sakade, F. (2014). *A Guide to Reading and Writing Japanese*. Tuttle Publishing.
- Iwasaki, S. (2006). Japan: Language Situation. In K. Brown (Ed.), *The Encyclopaedia of languages and linguistics* (pp. 93-95). Elsevier.

- Izumi, W., Ito, A., & Ishihara, E. (2014). What Are the Problems with Business Japanese Competencies? A Study Based on Surveys of Business People Working in Japan-Related Workplaces. In *The Sixth CLS International Conference CLaSIC 2014 Knowledge, Skills and Competencies in Foreign Language Education*, 487-511.
- Japan International Cooperation Agency Malaysia (2017). *Ulang Tahun ODA Jepun di Malaysia ke-60 Tumpuan Kepada Kerjasama JICA*. <https://fdocuments.net/document/oda-jepun-di-ke-jicagojp-pinjaman-jangka-panjang-dengan-kadar-faedah.html?page=3>
- Kementerian Pendidikan Malaysia (1999). *Jawatankuasa Bahasa Asing*. Laporan Kajian Pelaksanaan Dasar Bahasa Asing.
- Kikuchi, Y. (1997). *Keigo [Honorific expressions]*. Kodansha Gakujutsubunko.
- Kubota, R. (1998). An Investigation of L1-L2 Transfer in Writing Among Japanese University Students: Implications for Contrastive Rhetoric. *Journal of Second Language Writing*, 7(1), 6-100.
- Kubota, R. (2013). Language is Only a Tool: Japanese Expatriates Working in China and Implication for Language Teaching. *Multilingual Education*, 3(1), 4-28.
- Kuwana, T. (2016). *Reading Strategies Used By High School Japanese Language Learners (MA)*. California State University.
- Laman Web Rasmi Pejabat Perdana Menteri Malaysia. (2021, Ogos 15). *Dasar Pandang Ke Timur*. https://www.pmo.gov.my/dokumenattached/Dasar/06DASAR_PANDANG_KE_TIMUR
- Latha, A. (2012). Teaching English as a Second Language: Factors Affecting Learning Speaking Skills. *International Journal of Engineering Research & Technology (IJERT)*, 1(7), 1-6.
- Li, W., & Renandya, W. (2012). Effective Approaches to Teaching Listening: Chinese EFL Teachers' Perspectives. *The Journal of Asia TEFL*, 9(4), 79-111.
- Lukitasari, N. (2003). *Students' Strategies in Overcoming Speaking Problems in Speaking Class*. University of Muhammadiyah Malang.
- Matsumoto, K. (2013). Kanji Recognition By Second Language Learners: Exploring Effects of First Language Writing Systems and Second Language Exposure. *The Modern Language Journal*, 97(1), 161-177.
- Miyaoka, Y., & Tamaoka, K. (2001). Use of Japanese Honorific Expressions By Native Chinese Speakers. *Psychologia*, 44(3), 209-222.
- Mori, N. (2010). Effects of Singing on the Vocabulary Acquisition of University Japanese Foreign Language Students. *Proceedings of the 25th Annual Conference of the Southeastern Association of Teachers of Japanese (SEATJ)*. Durham, NC.
- Neustupny, J. (1995). *New Directions in Japanese Language Education*. Taishuukan.
- Nishida, N. (1987). *Keigo [Honorific expressions]*. Tokyodo Shuppan.
- Norhazlina, H., Saliza, I., Midiyana, M., & Haslina, H. (2024). Terjemahan Unsur Budaya Sosial dalam Amali Terjemahan Pelajar. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 9(5), 1-17. DOI: <https://doi.org/10.47405/mjssh.v9i5.2827>
- Nunan, D. (1998). Teaching Grammar in Context. *ELT Journal*, 52(2), 101-109.
- O'Brien, B., Wolf, M., Miller, L., Lovett, M., & Morris, R. (2011). Orthographic Processing Efficiency in Developmental Dyslexia: An Investigation of Age and Treatment Factors at the Sub Lexical Level. *Annals of Dyslexia*, 61(1), 111-135.
- Ooi, C. K. (2013). ASCOJA Towards the Cooperation and Development of ASEAN & Japan. In *The 20th ASEAN Council of Japan Alumni (ASCOJA) Conference*. The International Conference Centre (ICC), Hanoi, 6-8 September, 2013.

- Osman, M., & Shamsudin, O. (2025). Penggunaan e-Komik terhadap Peningkatan Kemahiran Membaca Mekanis. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 10(2), 1-15. DOI: <https://doi.org/10.47405/mjssh.v10i2.2726>
- Peltokorpi, V. (2010). Intercultural Communication in Foreign Subsidiaries: The Influence of Expatriate's Language and Cultural Competency. *Scandinavian Journal of Management*, 26, 176-188.
- Rahmat, R., & Aziz, Z. (2011). Pembelajaran Bahasa Antarabangsa di Malaysia: Bahasa Jepun. *Seminar Pendidikan Serantau*, 1, 681-686.
- Redzuan, M. A., & Hussin, S. (2018). Penggunaan Lagu dalam Meningkatkan Penguasaan Kosa Kata dalam Kalangan Pelajar Bahasa Jepun di Universiti Putra Malaysia. *Jurnal Sultan Alauddin Sulaiman Shah*, 5(2), 279-288.
- Sakuragi, T. (2006). The Relationship Between Attitudes Towards Language Study and Cross-Cultural Attitudes. *International Journal of Intercultural Relations*, 30, 19-31.
- Sani, K. S. (1998). *Sikap Pekerja Malaysia Terhadap Gaya Pengurusan Jepun: Satu Kajian Kes di Firma Jepun di Malaysia* [Master tesis, Universiti Putra Malaysia].
- Tamaoka, K. (1997). Chūgokugo to eigo o bogo tosuru nihongo gakushūsha no kanji oyobi kana hyōki goi no shori hōryaku [The processing strategy of words presented in kanji and kana by Chinese and English speakers learning Japanese]. *Gengo Bunka Kenkyu [Studies in Language and Literature]*, 17(1), 65-77.
- Tamaoka, K., & Kiyama, S. (2013). The Effects of Visual Complexity for Japanese Kanji Processing with High and Low Frequencies. *Reading and Writing*, 26, 205-223.
- Tuan, N., & Mai, T. (2015). Factors Affecting Students' Speaking Performance at LE Thanh Hien High School. *Asian Journal of Educational Research*, 3(2), 8-23.
- Underwood, M. (1989). *Teaching Listening*. Longman.
- Verdonschot, R., La Heij, W., Tamaoka, K., Kiyama, S., You, W., & Schiller, N. (2013). The Multiple Pronunciations of Japanese Kanji: A Masked Priming Investigation. *The Quarterly Journal of Experimental Psychology*, 66(10), 2023-2038.
- Wiggins, D. G. (2007). Pre-K Music and the Emergent Reader: Promoting Literacy in a Music Enhanced Environment. *Early Childhood Education Journal*, 35(1), 55-64.
- Yamamoto, D., & Gill, A. M. (1999). Emerging Trends in Japanese Package Tourism. *Journal of Travel Research*, 38(2), 134-143.
- Yeoh, L. S., Tengku, S. T. M., & Manjet, K. M. S. (2016). Business Communication Needs of Japanese Companies in Malaysia. *Advance in Language and Literary Studies*, 7(2), 156-162.
- Yeoh, L. S. (2018). *Japanese Language Proficiency Among Malaysian Japanese Speaking Graduate Employees: A Study in Japanese Companies in Malaysia* [Doctoral tesis, Universiti Sains Malaysia].
- Yeoh, L. S., & Manjet, K. M. S. (2020). The Use of Japanese Language in Intercultural Context Among Malaysian Japanese Speaking Employees in Japanese Companies. *Journal of Intercultural Communication Research*, 49(3), 191-210.
- Zubairi, A. M., Sarudin, I. H., & Nordin, M. S. (2007, July 1-3). A Study of the Effectiveness of Foreign Language Programs in Malaysia. *Proceedings in the 32nd Annual Congress of the Applied Linguistics Association of Australia, Making a Difference: Challenges for Applied Linguistics, University of Wollongong*.